

PENGUNAAN UNSUR ALAM DALAM HIASAN PERAHU TRADISIONAL DI PANTAI TIMUR

**Mohd. Rohaizat Abdul Wahab¹, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman,
Zuliskandar Ramli**

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹*rohaizat@upm.edu.my*

ABSTRAK

Kemahiran pembuatan perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sangat dikagumi dan diiktiraf oleh peminat perahu dari serata dunia. Seni pertukangan dan lukisan yang dimiliki oleh tukang ukir dimanifestasikan di atas perahu tradisional Melayu dengan pelbagai reka corak dan motif. Terdapat juga ukiran pada perahu yang menjadi semangat kepada usaha nelayan mencari rezeki di luatan. Perahu tradisional ini mempunyai ukiran dan kesenian yang tinggi ini perlu dipelihara bagi memastikan tradisi dan falsafah disebalik hiasan tersebut pupus dan lenyap.

Kata kunci : *Perahu, bangau, okok*

PENDAHULUAN

Perahu merupakan alat pengangkutan di air yang dihasilkan oleh orang Melayu. Perahu juga boleh dikategorikan sebagai kraftangan Melayu yang mempunyai nilai estitika yang tinggi. Perahu Melayu kini kian terpinggir hasil daripada pemodenan dan kemasukkan perahu yang menggunakan kuasa mekanikal.

Di Alam Melayu, perahu adalah perkataan Melayu yang merujuk kepada semua jenis kenderaan air tanpa mengira saiz dan bentuk. Bagi membezakan satu jenis perahu dengan jenis perahu yang lain, nama perahu dikelaskan kepada beberapa jenis seperti perahu kolek, perahu jalur, perahu payang, perahu sagur dan sebagainya lagi. Di dalam sumber sastera Melayu klasik seperti Sejarah Melayu, Misa Melayu Tuhfat al-Nafis, Syair Siti Zubaidah dan Syair Perang Siak terdapat 82 nama perahu dan kapal layar tradisional Melayu (Nik Abdul Rahman, 2010).

Sejarah awal penggunaan perahu di pantai timur bermula pada zaman Neolitik. Menurut Nik Hassan, di Zaman Neolitik terutama sekali di zaman Neolitik Akhir, masyarakatnya telah biasa menggunakan perahu dan tahu membuatnya. Perahu tradisional Melayu di pantai timur mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan perahu moden yang ada sekarang. Penggunaan seni hias pada perahu di pantai timur menggambarkan masyarakat di pantai timur kaya dengan kesenian dan budaya. Kekayaan seni menjadi indikator kepada taraf hidup masyarakat. Negeri yang kaya dengan kesenian adalah negeri yang makmur dan beradab (Ishak, 2010)

RAGAM HIAS

Ragam hias yang ada pada perahu mempunyai cerita dan mitos tertentu. Reka corak yang dihasilkan ini dipengaruhi oleh latar belakang dan keperibadian pengukir. Hasil daripada reka corak tersebut pengaruh budaya, ia juga menjadi sumber maklumat mengenai kepercayaan dan falsafah masyarakat dahulu. Pengaruh seperti Hindu-Buddha dan Islam banyak dihasilkan oleh pengukir dahulu. Sebelum kedatangan pengaruh Hindu, pengukir banyak menggunakan motif geometri setelah kedatangan Hindu-Buddha unsur yang dihasilkan ada berbentuk objek dan sumber alam. Apabila Islam menapak di Semenanjung Malaysia, penggunaan objek geometri, tumbuh-tumbuhan dan kaligrafi telah dihasilkan. Hasil ini dapat dilihat pada rumah kediaman, senjata, peralatan pertukangan, perabot dan perahu.

Penggunaan motif fauna, iaitu haiwan darat dan laut juga menjadi motif lukisan dan ukiran, motif ini digunakan terutama pada bahagian tinggi seperti pada bumbung rumah, pada kenderaan seperti perahu dan pada perabot rumah.

HIASAN PADA PERAHU

Perahu berhias bukan sahaja dimiliki oleh golongan diraja dan golongan tertinggi sahaja. Perahu berhias juga dimiliki oleh nelayan kecil. Kebanyakannya nelayan di pantai timur memiliki perahu jenis Kolek, Kolek Kecil, Sekoci Besar, Sekoci Kecil dan Kuel.

Perahu ini biasanya mempunyai hiasan ukiran kayu dan lukisan pada linggi, bangau, okok, caping, koyang, cagak, dayung dan badan perahu. Ia dihasilkan dengan cantik dan sangat teliti. Ukiran dan lukisan ini mempunyai mitos dan simbolik tertentu yang difahami oleh pengukirnya. Gambar 1 adalah lakaran kolek buatan barat. Kolek buatan barat mempunyai bentuknya seakan-

Rohaizat, M. bin A.W. *et al* – Penggunaan Unsur Alam dlm Hiasan Perahu Tradisional di Pantai Timur
Makalah dibentangkan di *Seminar Etnosains Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)* ke-2,
7 Sept. 2013, Pusat Dialog Peradaban Univ. Malaya, PJ, Malaysia.

akan perahu payang tetapi saiznya kecil sedikit berbanding perahu payang. Perahu ini dihias indah dan sarat dengan lukisan dan ukiran yang menghiasi badan dan (Coatalen, 1982) bahagian perahu.



Gambar 1: Kolek Buatan Barat

BANGAU

Bangau adalah sekeping papan yang diukir berbentuk seperti seekor bangau yang sedang melentok. Bangau ini berada di haluan perahu dan kebiasaan di kiri perahu. Bangau ini digunakan untuk menyangga layar perahu ketika layar tidak digunakan. Layar ini disangga di atas bangau bagi mengelakkan layar tersebut bergerak ketika perahu tidak stabil. Hampir semua perahu nelayan mempunyai bangau dan okok. Pelbagai berbentuk bangau digayakan oleh pengukir seperti naga, itik, wayang kulit dan bentuk daun. Masyarakat nelayan mempercayai bangau ini mempunyai roh dan semangat yang dapat menjaga mereka ketika berada di lautan. Bangau-okok ini juga ditanggalkan dan disimpan sekiranya nelayan tidak ke laut.



Gambar 2: Motif Bangau



Gambar 3: Motif tumbuh-tumbuhan

OKOK

Okok atau juga dikenali sebagai ongak berfungsi sebagai pengikat sauh. Apabila perahu berlayar, sauh disangkut pada okok. Okok ini diletakkan dibahagian hadapan perahu dan kebiasaannya berada disebelah kanan perahu. Saiz okok lebih kecil daripada bangau. Okok biasanya dibuat pada kayu yang sama bersama bangau.



Gambar 4: Okok Pelaku Wayang Kulit

CAPING

Caping adalah sekeping papan berada di tengah antara bangau dan okok. Caping ini berfungsi sebagai pemisah antara bangau dan okok. Ia juga mengelakkan layar yang diletak di atas bangau tidak bergerak. Apabila nelayan menanggalkan Bangau-Okok, caping kekal pada perahu. Caping ini bukan sahaja dijadikan hiasan malah ia menjadi nadi kepada perahu. Kebanyakan caping mempunyai ukiran dan lukisan bermotifkan flora seperti motif bunga matahari, tompok manggis dan sebagainya lagi. Caping ini juga mempunyai perkaitan dengan cawat yang berbentuk daun sireh yang dipakai oleh kanak-kanak Melayu.

Rohaizat, M. bin A.W. *et al* – Penggunaan Unsur Alam dlm Hiasan Perahu Tradisional di Pantai Timur
Makalah dibentangkan di *Seminar Etnosains Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)* ke-2,
7 Sept. 2013, Pusat Dialog Peradaban Univ. Malaya, PJ, Malaysia.



Gambar 5: Caping motif bunga matahari



Gambar 6: Caping motif tumbuh-tumbuhan

BADAN PERAHU

Kebanyakan perahu nelayan di pantai timur mempunyai lukisan cat pada badan perahu. Lukisan ini bukan sahaja untuk mencantikkan perahu, ia juga dapat menjaga ketahanan kayu apabila berada di laut. Pelukis yang didatangkan daripada Patani menghasilkan satu lukisan. Pelukis menggunakan warna-warna yang terang seperti hijau, merah, kuning dan biru muda. Ia bagi menjadikan perahu tersebut menarik.



Gambar 7: Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia

PERAHU YANG DICAT

Pada badan perahu, pelukis melukis pelbagai motif yang mempunyai cerita dan lagenda di sebaliknya. Lukisan seperti tumbuh-tumbuhan, naga, burung helang, ikan duyung dan pelaku wayang kulit menjadi tema hiasan pada perahu. Ada juga perahu yang dicat dengan satu warna yang terang tanpa sebarang lukisan di atasnya.


Rohaizat, M. bin A.W. *et al* – Penggunaan Unsur Alam dlm Hiasan Perahu Tradisional di Pantai Timur
Makalah dibentangkan di *Seminar Etnosains Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)* ke-2,
7 Sept. 2013, Pusat Dialog Peradaban Univ. Malaya, PJ, Malaysia.



Gambar 8: Motif Naga



Gambar 9: Motif Helang dan Naga



Gambar 10: Motif Ikan Duyung



Gambar 11: Motif Wayang Kulit

RUMUSAN

Jika diamati motif dan ukiran yang dihias pada perahu di pantai timur banyak menggunakan unsur seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Ukiran dan lukisan ini mempunyai pengaruh unsur Hindu-Buddha, Jawa dan Siam. Hiasan ini juga mempunyai cerita yang cuba difahami oleh pelukisnya. Setiap perhiasan yang dihasilkan oleh orang Melayu dahulu mempunyai falsafah dan mesej tertentu yang akan disampaikan. Perahu berhias juga kini sukar untuk dijumpai di laut, nelayan banyak menggunakan perahu moden yang menggunakan kuasa mekanikal. Walau bagaimana pun dengan kemodenan yang ada sekarang, keunikan yang ada pada perahu tradisional Melayu mungkin akan lenyap sekiranya kesenian ini tidak dipelihara.

Rohaizat, M. bin A.W. *et al* – Penggunaan Unsur Alam dlm Hiasan Perahu Tradisional di Pantai Timur
Makalah dibentangkan di *Seminar Etnosains Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)* ke-2,
7 Sept. 2013, Pusat Dialog Peradaban Univ. Malaya, PJ, Malaysia.

RUJUKAN

- Baba, Z. (2010). Seni Ukiran Melayu Sebagai Hiasan pada Perahu Tradisional di Semenanjung Malaysia. In N. Nik Abdul Rahman, *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu* (pp. 117-127). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Bakar, Z. (1993). *Glosari Budaya Malaysia: Corak dan Motif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coatalen, P. (1982). *The Decorated Boats of Kelantan*. Penang: Penerbit USM.
- Ishak, S. (2010). Kelantan Sebagai Pusat Kesenian Melayu Tradisional: Perkembangan, Pelestarian dan Identiti. In H. Dollah, *Seni dan Budaya Kelantan* (pp. 1-20). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ishak, S. (2010). *Seni & Budaya Kelantan*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia .
- Nik Abdul Rahman, N. (2002). Sejarah Kelantan Sebelum Long Yunus-Satu Gambaran Umum. In N. H. Nik Abdul Rahman, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah* (pp. 1-14). Kuala Lumpur: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Rajantharan, M. (1999). *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli, Z., & Nik Abd. Rahman, N. (2012). Hubungan Antara Semenanjung Tanah Melayu Dengan China Sejak Awal Abad Masihi. *International Journal Of The Malay World And Civilisation (IMAN)*, 171-196.